



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## NILAI NASIHAT DALAM PUISI TRADISIONAL TEROMBA

ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAAN MELAYU  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menemukan nilai nasihat puisi melayu tradisional genre teromba dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga kurikulum. Melalui puisi tradisional genre teromba yang dijadikan bahan kajian menggunakan pendekatan moral diharapkan dapat menemukan rumusan yang memperkukuh lagi kenyataan bahawa puisi melayu tradisional genre teromba yang dikaji mempunyai nilai nasihat yang tinggi yang menekankan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek-aspek nasihat dalam puisi-puisi yang menjadi bahan kajian secara instrinsik. Seterusnya, penelitian ditumpukan kepada kesesuaian aspek-aspek kemurnian dan nilai nasihat dalam puisi-puisi yang dikaji dengan nilai-nilai murni yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyelidikan ini menyentuh tentang beberapa kajian lalu yang menjadikan Teromba sebagai bahan kajiannya. Pembicaraan tentang peranan penggunaan puisi Melayu Tradisional, salah satu komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat SPM turut dibincangkan dengan memberi tumpuan terhadap minat pelajar terhadap puisi teromba. Di samping memberi hiburan dan pengajaran, melalui pembacaan puisi juga dapat memupuk minat kepada bahasa, menghargai keindahan, membina nilai moral positif pelajar dan memupuk semangat kewarganegaraan di kalangan pelajar. Kajian ini juga menganalisis aspek-aspek nilai nasihat yang tinggi yang terdapat dalam puisi melayu tradisional teromba dari sudut sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Aspek ini diteliti sewajar mungkin. Seterusnya, dalam hasil penganalisan, pengkaji berharap menemukan kesesuaian aspek-aspek nilai kenasihatian dalam teromba dan dapat dipraktikkan didalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya untuk menjadikan para pelajar orang yang berguna.





## ABSTRACT

This research examines the advice values in the traditional Malay poetry of teromba and its compatibility to the National Philosophy of Education. This research of Teromba's genres (one of the traditional Malay poetry) is using the theory of Heritage Literature. Hopefully it will consequently draws in a comprehensive conclusion which further strengthens the notion that the researched traditional Malay poetry is compatible to the National Philosophy of Education, which emphasize on the four pillars which are Physically, Emotionally, Spirituality and Intellectuality that have been integrated in the curriculum through the teaching and learning. The objective of this research is to analyze the intrinsic aspects of advices in the poetry of Teromba. The main focus of the analysis is on the finding of the suitability between the advices value in poetry with a virtues values that enshrined the National Philosophy of Education. This research also discusses several previous researches of Teromba. The discussion also focuses on the role of the Traditional Malay Poetry which is one of the literature components in the teaching and learning at SPM level, and emphasize on the students' interest towards Teromba. Reading and reciting the poem does not only provide entertainment and education, but also inculcates the interest to the language itself, appreciating the esthetic, positive values in the insight on moral values as well as the sense of patriotism. This research aims to analyses the high value of advices of Traditional Malay Poetry from the perspectives of socio-culture, socio-economy as well as socio-politics. These aspects are carefully studied to distinguish the association and relationship between the Traditional Malay poetry and the National Philosophy of Education. Based on the result of the analysis, I hope to discover the advisable aspects of the poems which can be practically used in class. Hence, it is very important to use the traditional Malay poetry which is in accordance with the aspirations of the national curriculum to create the well mannered students.



## SENARAI KANDUNGAN

|                   | Halaman |
|-------------------|---------|
| PENGAKUAN         | i       |
| DECLARATION       | ii      |
| PENGHARGAAN       | iii     |
| ABSTRAK           | iv      |
| ABSTRACT          | v       |
| SENARAI KANDUNGAN | vi-ix   |

## BAB 1      PENGENALAN

|       |                                       |    |
|-------|---------------------------------------|----|
| 1.1   | Latar Belakang Kajian                 | 4  |
| 1.2   | Tujuan kajian                         | 5  |
| 1.2.1 | Teori dan Pendekatan yang digunakan   | 6  |
| 1.3   | Kaedah Kajian                         | 7  |
| 1.4   | Permasalahan Kajian                   | 7  |
| 1.5   | Kepentingan Kajian                    | 9  |
| 1.6   | Definisi Konsep (Teromba)             | 12 |
| 1.7   | Jenis- jenis Puisi Melayu Tradisional | 14 |
|       | 1.7.1   Pantun                        | 14 |
|       | 1.7.2   Syair                         | 16 |

|       |          |    |
|-------|----------|----|
| 1.7.3 | Gurindam | 19 |
| 1.7.4 | Teromba  | 21 |
| 1.7.5 | Masnawi  | 23 |
| 1.7.6 | Endoi    | 25 |

## **BAB 2            TINJAUAN LITERATUR**

|     |                                         |    |
|-----|-----------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                              | 29 |
| 2.2 | Pendapat Tokoh Pengkaji tentang Teromba | 30 |
| 2.3 | Asal-usul Teromba                       | 37 |

## **BAB 3            REKA BENTUK KAJIAN DAN KAITAN DENGAN TEORI SASTERA**

### **WARISAN DAN PENDEKATAN MORAL**

|     |                                             |    |
|-----|---------------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan                                  | 40 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian                           | 41 |
| 3.3 | Teori dan Pendekatan yang Digunakan         | 41 |
| 3.4 | Titik Tolak Teori Sastera Warisan           | 43 |
| 3.5 | Sejarah Idea                                | 44 |
| 3.6 | Idea-idea Pokok Teori Sastera Warisan       | 44 |
| 3.7 | Kaedah dan Pendekatan Teori Sastera Warisan | 45 |

|       |                                                                         |    |
|-------|-------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.8.  | Pendekatan Moral                                                        | 45 |
| 3.8.1 | Definisi dan Konsep Moral                                               | 46 |
| 3.8.2 | Aplikasi Pendekatan Moral                                               | 48 |
| 3.9   | Kesinambungan Teori Sastera Warisan dan Pendekatan Moral dengan Teromba | 49 |

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|       |                                          |     |
|-------|------------------------------------------|-----|
| 4.1   | Pengenalan                               | 52  |
| 4.2   | Konsep Nilai Nasihat dan Pengajaran      | 53  |
| 4.2.1 | Kasih Sayang                             | 71  |
| 4.2.2 | Ketaatan                                 | 74  |
| 4.2.3 | Sabar                                    | 76  |
| 4.2.4 | Bekerjasama                              | 78  |
| 4.2.5 | Bertanggungjawab                         | 80  |
| 4.2.6 | Bermurah Hati                            | 83  |
| 4.3   | Aspek isi Teromba                        | 86  |
| 4.4   | Kepercayaan, Nilai dan Pegangan Hidup    | 88  |
| 4.5   | Aspek Fungsi Teromba                     | 101 |
| 4.5.1 | Bahan Hiasan dan Rujukan                 | 102 |
| 4.5.2 | Teromba sebagai bahan Gunaan             | 104 |
| 4.6   | Aspek Pembudayaan dan Pengamalan Teromba | 111 |
| 4.7   | Kesimpulan                               | 122 |

## **BAB 5 RUMUSAN**

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 123 |
| 5.2 | Saranan    | 136 |
| 5.3 | Kesimpulan | 140 |

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Genre puisi Melayu adalah sesuatu yang rumit dan kontroversial. (Harun Mat Piah



1989: 37). Namun, menurut Harun Mat Piah lagi, A. Teeuw dalam makalahnya *The*

*Malay Syair: problems of Origin and Tradition* beranggapan hanya ada tiga jenis puisi Melayu yang popular iaitu pantun, syair dan bahasa berirama. Pandangan dari A. Teeuw ini mungkin ada benarnya, tapi dari segi yang lain, bertentangan dengan keadaan sebenar yang kita dapat lihat sekarang. Istilah-istilah ini mungkin dapat digolongkan sebagai genre-genre atau mungkin hanya sebagai istilah-istilah klasifikasi yang bertindih-tindih, akibat daripada pemakaian yang tidak seragam. (Harun Mat Piah 1989:38).

Dalam disiplin sastera, khususnya kajian sastera Melayu di Malaysia, puisi difahami sebagai satu bentuk karya sastera disamping prosa. Genre puisi Melayu di Malaysia dibahagikan kepada dua jenis iaitu, Puisi Melayu Tradisional dan Puisi Melayu Moden.





Dalam tradisi Greek Yunani, puisi dianggap sebagai karya sangat tinggi kedudukannya. Ramai pemikir era Greek percaya bahawa penyair menulis puisi setelah mendapat ilham secara *divine madness* dari tuhan (M.K.Danziger, W.S Johnson, 1961:18). Ungkapan-ungkapan dan kata-kata yang disampaikan oleh penyair disifatkan sebagai membawa mesej dari Tuhan. Para penyair berperanan sebagai membawa mesej dari Tuhan kepada manusia. Pernyataan ini menyebabkan penyair dianggap sebagai kelompok manusia yang ‘suci’ dan memiliki darjat yang tinggi dalam kalangan masyarakat ketika itu.

Puisi adalah satu cabang kesenian yang disebut sebagai kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk (Anis Sabirin, 1972:2-3).



Selain puisi, prosa adalah satu lagi cabang kesusasteraan. Puisi dan prosa mempunyai bahagian-bahagian tertentu dan tiap-tiap bahagian ada pelbagai jenis pula. Puisi pada dasarnya lebih merupakan sifat atau nilai keindahan alam pengungkapan bahasa. Ungkapan atau penggunaan bahasa yang indah disebut puitis.

Menurut Rachmat Djoko Pradopo (1999), permaknaan puisi dari sudut ini ada kaitan dengan makna puisi dalam bahasa Belanda dan Jerman. Dalam bahasa Belanda puisi bermakna *gedicht* dan bahasa Jerman puisi bermaksud *dichten*. Shahnnon Ahmad (1978) menemukan beberapa unsur asasi yang dapat menggambarkan keserasian beberapa aspek itu. Unsur-unsur itu ialah emosi, imaginatif, pemikiran idea, nada, irama, kesan pancaindera, susunan kata, kata-kata kiasan, kepadatan dan perasaan yang bercampur baur.





Istilah puisi membawa konotasi bahawa karya yang dimaksudkan dalam satu-satu perbicaraan itu mencapai peringkat yang tertinggi (Muhammad Haji Salleh, 1984:3). Pendapat Muhammad Haji Salleh ini menitikberatkan soal tingkat keilmuan berdasarkan tahap penguasaan dalam ‘puisi’ dan ‘sajak’ yang disifatkan sebagai berbeza dari aspek kemaknaannya. Jelas dari pemahaman Muhammad, puisi dan sajak adalah dua perkara yang berbeza.

Terdapat pelbagai definisi mengenai puisi, tidak terdapat definisi yang benar-benar jitu bagi menjelaskan makna puisi, dan kita tidak mungkin hanya bergantung kepada satu definisi untuk memahami puisi. Keadaan ini tentunya mewajarkan kita untuk menerima pakai definisi yang diberikan bagi memahami dan menjelaskan sifat, ciri dan membentuk puisi. Hal ini diterangkan secara panjang lebar dan mendalam



Sebuah puisi yang disampaikan mempunyai tujuan tertentu. Keadaan ini menyebabkan, pengkaji berminat untuk menganalisis tentang nilai estetik yang terdapat dalam teromba. Analisis nilai nasihat terdapat dalam teromba sangat sesuai dikaji memandangkan masyarakat sekarang sudah tidak melupakankan atau telah hilang kecaknaan terhadap nilai yang ada dalam karya- karya puisi melayu tradisional yang banyak membantu sebagai ‘penasihat’ kehidupan seharian mereka.

Analisis mengenai nilai nasihat dalam teromba adalah untuk menilai sejauh mana pembaca puisi pada masa sekarang mengapresiasi seni nasihat seperti yang terdapat dalam puisi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka, yang





dikaitkan dengan nilai-nilai yang terdapat dalam teromba terutamanya melalui pembacaan dan sebagainya.

### 1.1 Latarbelakang Kajian

Bidang kajian mengenai nilai nasihat dalam teromba adalah untuk melihat sejauh mana perlakuan berbudi bahasa dan nilai-nilai yang baik dijadikan amalan dalam kehidupan seharian pelajar sekolah dan masyarakat serta dapat memberi pengajaran kepada pembaca. Sebelum itu juga harus dilihat bahawa nilai murni adalah terletak di bawah budi bahasa yang merupakan kata kunci yang utama dalam pembentukan nilai yang positif. Sekiranya budi bahasa diamalkan secara yang tidak langsung nilai murni juga akan turut terbentuk dalam diri seseorang manusia. Di bawah nilai



murnilah terletak beberapa jenis nilai positif yang harus diamalkan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian mereka.

Banyak contoh-contoh budi bahasa dan nilai murni yang boleh diamalkan antaranya contoh nilai murni yang ada, adalah seperti yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang terdapat dalam sukatan dan huraian pelajaran. Antara contoh nilai-nilai murni dinyatakan adalah seperti baik hati, kerajinan, keadilan, kejujuran, rasional, kesyukuran, kerjasama, hemah tinggi, kesederhanaan, kebebasan, kebersihan fizikal dan mental, keberanian, keyakinan, berdikari, tanggungjawab, patriotik, kasih sayang, menghargai, hormat-menghormati, ketekunan dan semangat kemasyarakatan. Namun begitu pengkaji memilih untuk mengkaji enam daripadanya iaitu Kasih Sayang, Ketaatan, sabar, Bekerjasama,





Bertanggungjawab dan Bermurah Hati. Rasional pemilihan ini adalah kerana nilai-nilai murni seperti yang disenaraikan adalah yang terbanyak didapati dalam teromba.

Pengkaji juga perlu melihat tinjauan literatur yang dikemukakan oleh beberapa tokoh sasterawan tempatan serta pandangan mereka. Konsep nilai ini boleh dilihat melalui pandangan tokoh tempatan atau Barat. Pandangan setiap tokoh adalah berbeza antara satu sama lain dan pelbagai tafsiran yang diberikan mengikut pemahaman masing-masing.

Nilai nasihat yang dipaparkan berbeza antara satu sama lain. Nilai nasihat yang dijelaskan di sini hanya memfokuskan kepada elemen-elemen kehidupan seperti sosioekonomi dan juga sosiopolitik. Penerapan budi bahasa dan nilai murni melalui nasihat dalam teromba adalah sangat penting untuk menarik minat pembaca. Selain itu juga ia bertujuan untuk melahirkan insan yang berbudi dan berakhlak mulia kerana kedua-duanya saling berkaitan.

## 1.2 Tujuan Kajian

Kajian berkaitan nasihat adalah sangat penting untuk membentuk sahsiah para pelajar sekolah khususnya dan masyarakat amnya pada masa sekarang. Teromba bukan sahaja bertujuan untuk hiburan tetapi juga untuk membentuk keperibadian yang baik terutamanya kepada pembaca puisi ini. Melalui puisi ini juga dapat memberi kesedaran kepada pembaca betapa pentingnya mesej yang ingin disampaikan dalam sesebuah puisi sama ada secara langsung atau tidak langsung.





Selain itu juga, kajian mengenai nilai-nilai nasihat yang diterapkan dalam teromba adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana dapat memupuk minat pelajar sekolah khasnya dan masyarakat amnya terhadap teromba yang semakin dipinggirkan pada masa sekarang. Melalui pembacaan puisi ini juga, diharap nilai-nilai positif yang ingin diterapkan agar dapat melahirkan masyarakat yang berbudi pekerti mulia dan bersopan santun akan tercapai sejajar dengan matlamat negara di era globalisasi dan pada masa akan datang. Kayu ukur diatas kejayaan mengembalikan masyarakat kepada nilai-nilai murni ini adalah bilamana kita dapat melihat akan kurangnya kes-kes jenayah, masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta tahap toleransi yang tinggi diantara golongan masyarakat di dalam negara ini.



Tujuan yang seterusnya ialah untuk menilai sejauh mana nasihat-nasihat yang dipaparkan ini dapat memberi kesan kepada pembaca dan cuba untuk mengaplikasikan nilai yang positif dalam kehidupan seharian mereka. Unsur-unsur dramatik dan pengajaran begitu jelas dalam sesebuah puisi dan pembaca perlu memahami terlebih dahulu mesej yang ingin disampaikan. Selepas itu barulah mereka dapat memahami maksud tersirat yang terdapat dalam sesebuah teromba terutamanya berkaitan dengan amalan atau perbuatan yang mulia seperti hormat-menghormati, kasih sayang, keikhlasan, kejujuran dan sebagainya.

### 1.2.1 Teori dan Pendekatan yang digunakan

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori Sastera Warisan dan digabungkan dengan Pendekatan Moral. Semua dapatan kajian adalah diukur dengan menggunakan





gabungan keduanya bagi mengesahkan dapatan kajian ini. Huraian tentang teori dan pendekatan yang digunakan terdapat dalam bab tiga.

### 1.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan untuk mengenal pasti nilai nasihat yang terdapat dalam teromba adalah melalui rujukan perpustakaan, melalui pembacaan, sumber-sumber internet, sumber sekunder dan pengkaji juga menganalisis sumber nasihat yang terdapat dalam teks-teks rujukan. Sebelum kajian dilakukan pengkaji terlebih dahulu mendapatkan beberapa buah buku rujukan di perpustakaan untuk memahami tentang konsep nasihat atau teguran secara halus yang memang sinonim dengan masyarakat



### 1.4 Permasalahan Kajian

Kajian mengenai nilai nasihat dalam teromba sangat bertepatan dan bersesuaian sekali pada zaman yang serba mencabar ini. Ini kerana dalam puisi banyak paparan tentang pengajaran dan mempunyai banyak unsur nasihat terutamanya untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak yang mulia. Nilai murni atau nilai positif yang terdapat dalam teromba dapat dijadikan ikhtibar dan menjadi elemen penting dalam membentuk keperibadian manusia supaya berakhlak mulia sama ada pada diri sendiri mahupun orang lain. Tajuk yang dikaji ini sangat sesuai terutamanya kepada golongan remaja dan dewasa. Tegasnya nasihat yang baik perlu dipersembahkan kepada mereka melalui nilai-nilai positif yang ditonjolkan dalam teromba.





Pun begitu, Pengkaji tidak menemukan sebarang kajian yang mengkaji mengenai nilai nasihat di dalam teromba. Pun begitu, pengkajian ini menemukan beberapa buku dan makalah yang banyak memuatkan kajian tentang teromba secara sepintas lalu dan berkisar tentang struktur dan nilai estetika yang ada di dalamnya. Kajian-kajian tersebut telah dimasukkan di dalam bab seterusnya iaitu Tinjauan Literatur.

Permasalahan kajian yang lain ialah, pengkaji mendapati teromba ialah puisi tradisional yang istimewa dan boleh dijadikan alat sebagai pemangkin untuk menjadikan pembacanya mengapresiasi nilai-nilai warisan dan juga pembentukan nilai-nilai murni. Ini kerana persembahannya secara bersahaja dan di majlis-majlis keramaian adalah dekat dihati pendengar dan juga pengamalnya. Bukan itu sahaja, teromba juga adalah satu harta warisan yang boleh disesuaikan dengan situasi semasa dan relevan sepanjang zaman.

Pengkaji juga perlu mencari teromba yang ada hubung kait dengan pembentukan nilai positif yang harus diamalkan dalam kehidupan sebenar masyarakat manusia.

Kajian terhadap nilai nasihat dalam teromba memerlukan penghayatan yang sebenar oleh pengkaji. Dalam proses penghayatan tersebut pengkaji sukar untuk memilih jenis-jenis teromba yang ada, kerana teromba yang ada terlalu banyak dan luas menyukarkan pengkaji untuk memilih dan mencari puisi yang bersesuaian untuk dikaitkan dengan aspek yang dikaji. Selain itu juga pengkaji perlu memahami tema





dan persoalan setiap jenis puisi yang dikaji barulah pengkaji dapat mengetahui apakah nilai yang terdapat dalam sesebuah teromba itu.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Antara kepentingan kajian ini ialah untuk menerapkan kecintaan kepada karya puisi tradisional di kalangan masyarakat dan juga membajai budi bahasa dan nilai murni di kalangan masyarakat terutamanya pelajar-pelajar di sekolah. Menerusi karya sastera khususnya genre teromba, nilai-nilai ini diharap dapat diterapkan dalam diri masyarakat untuk membentuk sahsiah yang baik. Hal ini kerana masyarakat manusia kini terdedah hal-hal yang negatif seperti yang dipaparkan di media massa saban hari.



Memandangkan kepada masalah sosial yang semakin ketara dan berleluasa dewasa ini khususnya dikalangan remaja ataupun kanak-kanak sekolah, tajuk ini amat sesuai dipilih untuk diperbincangkan. Masalah sosial yang disajikan kepada kita baik melalui media elektronik ataupun media cetak setiap hari amat membimbangkan contohnya kes penyalahgunaan dadah, penderaan, pembunuhan, rasuah, politik wang dan sebagainya. Kes juvana juga semakin hari semakin meningkat.

Kajian terhadap teromba sangat penting, kerana melaluinya kita dapat mengetahui sejauh manakah masyarakat atau pembaca dapat menghayati nilai-nilai yang terdapat dalam teromba dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Antara nilai-nilai yang terdapat dalam teromba adalah kesetiaan, mengenang budi, kasih sayang, bertimbang rasa, bekerjasama, kesabaran dan sebagainya.





Kepentingan lain kajian ini ialah untuk menghargai warisan tradisi genre Teromba yang ingin dikaji oleh pengkaji ini menunjukkan bahawa warisan tradisi masih lagi diingati dan dihargai oleh generasi muda. Ia seolah-olah ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’ seperti yang diungkapkan melalui pepatah Melayu.

Melalui analisis ini juga dapat diketahui jenis-jenis teromba dan pembahagiannya. Melalui puisi-puisi yang telah dihasilkan juga pengkaji dapat menilai sejauh manakah isi-isi yang terdapat dalam puisi dapat mempengaruhi pemikiran dan perasaan pembaca menghayati puisi tersebut.

Keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) akan dapat dicapai jika nilai-nilai murni ini dapat direalisasikan melalui kurikulum (khususnya dalam pendidikan formal dan tidak formal) supaya ilmu pengetahuan akan dapat diperkembangkan sebagai khalifah Allah dimuka bumi ini, manusia hendaklah menyeru dan menyedarkan sesama manusia yang lain.

Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa beliau memegang jawatan Menteri Pendidikan pernah menyeru agar FPN menjadi teras dan tunjang kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang hendak dicapai. Usaha dan kesedaran daripada insan itu sendiri amat penting dalam mentafsir, membentuk dan melaksanakan hasrat falsafah pendidikan demi untuk melahirkan insan yang berilmu, beriman, berakal, berketerampilan dan berakhlak mulia.





Kesedaran tentang penanaman nilai-nilai murni disemai dan dibajai mulai zaman kanak-kanak lagi. Ibubapa, guru-guru dan masyarakat masing-masing berperanan dalam memberi teladan kepada kanak-kanak agar mereka dapat menyesuaikan dan mempersembahkan diri mereka berdasarkan kepada nilai murni yang ditonjolkan kerana mereka ibarat kain putih yang perlu dicorakkan dengan warna-warna nilai yang baik. Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungnya".

Pendidikan di rumah adalah bergantung kepada ahli keluarga itu sendiri. Rasulullah S.A.W menegaskan kepentingan pendidikan bermula di rumah iaitu pada peringkat keluarga lagi. Sabda baginda yang bermaksud:

*"Setiap bayi yang dilahirkan itu dengan fitrahnya. Hanya ibubapanya yang*

*menjadikan ia Yahudi, Nasrani atau Majusi."*



Di sekolah guru memainkan peranan sebagai ibubapa dalam membentuk kanak-kanak selaras dengan penerapan yang dimasukkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Nilai-nilai murni mula diterapkan dari pendidikan pra-sekolah lagi merupakan asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak dalam membentuk peribadi dan bernilai murni.

Guru bukan hanya menjalankan tugas mengajar matapelajaran yang terdapat dalam sukatan tertentu sahaja, sebab nilai murni perlu terdapat dalam setiap matapelajaran. Dan adakalanya nilai murni yang disalurkan itu tidak terdapat secara khusus di dalam subjek tersebut tetapi diterapkan secara tidak formal seperti komunikasi yang baik antara guru dan murid, yang akan mempengaruhi penanaman nilai dalam jiwa pelajar.





Selain itu juga, melalui kajian yang dijalankan ini dapat dilihat bagaimana budi bahasa dan nilai murni yang ingin diterapkan dalam diri pembaca disampaikan melalui karangan berangkap dengan menggunakan kata-kata yang puitis dan indah (estetik). Melalui kata-kata yang ungkapkan terselit seribu pengajaran dan nasihat di dalamnya ke arah membentuk insan yang mulia di dunia dan akhirat.

### 1.6 Definisi Konsep (Teromba)

Teromba ialah gambaran masyarakat tradisional pada suatu ketika dahulu. Masyarakat itu berpegang erat kepada adat istiadat pada peraturan. Teromba dapat dipecahkan kepada dua iaitu Puisi Warisan Melayu Dan Puisi Warisan Arab/ Parsi. Teromba terikat terbahagi kepada dua iaitu pantun dan gurindam. Memang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa pantun adalah satu-satunya teromba yang paling asli dan lahir dirantau Alam Melayu. Banyak pendapat dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji tentang asal usul pantun, antaranya oleh Pijnappel, Hoessien, Djajadiningrat, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Wilkinsons, Winstedt, dan Van Ophuijisen. Istilah pantun adalah berbeza dari sebutan, tetapi semuanya dimaksudkan kepada sesuatu susunan kata yang teratur (Mohd. Yusof, Mohd Nor dan Abdul Rahman Kaeh, 1991 :VI).

Sebelum daripada itu dalam menjelaskan konsep Teromba Za'ba, Harun Mat Piah telah menyatakan teromba adalah sama dengan Puisi Melayu Tradisional dan menyatakan sebagai karangan berangkap iaitu :





*“...karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan itu biasanya berjodoh bunyi, rentak, atau isinya serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu”.*

(Harun Mat Piah, 1989:1)

Puisi lama atau tradisional adalah sebagai pancaran atau gambaran lama akan dapat dikuasai pelbagai pertanyaannya dalam bentuk pantun, syair, gurindam, seloka dan sebagainya. Selain ciri-ciri bentuk yang terikat dan sebagainya pernyataan adat kebiasaan, peraturan atau undang-undang yang diterima serta dipatuhi bersama juga turut dikesani corak pemikiran, sikap dan pandangan hidup masyarakat. (Dharmawijaya, 1988:14).



Menurutnya Dharmawijaya (1988:234), puisi sebagai bentuk karya sastra yang paling tua sudah diterima umum. Dalam Kesusteraan Melayu sudah ditemui banyak bentuk-bentuk seperti mentera, pantun, seloka, syair, gurindam dan sebagainya dengan diberikan penggolongan atau jenis-jenisnya.

Sesetengah pendapat mengatakan bahawa istilah gurindam berasal daripada bahasa Sanskrit dan masuk kedalam bahasa Melayu menerusi bahasa Tamil (Za'aba, 1965:242). Biasanya pengkaji-pengkaji Teromba memberi contoh gurindam bertindan-lapis dengan puisi jenis lain yang antara lain boleh dimasukkan dibawah talibun, seloka dan teromba. Orang yang mula-mula membawa contoh gurindam ialah Raja Ali Haji (1809-1870), ulama dan sasterawan dari istana Johor-Riau.





Terdapat beberapa jenis puisi Melayu yang terikat seperti syair dan lain-lain, namun dikategorikan dalam Teromba Warisan Arab/Parsi. Di bawah kategorikan puisi bebas ini terdapat seloka, teromba, talibun, mentera, dan peribahasa berangkap.

Manakala Teromba Warisan Arab/Parsi diasingkan daripada kategori teromba warisan melayu kerana ia merupakan warisan tradisi kepuisian umat Islam yang masuk dan menjadi sebahagian daripada puisi melayu. Puisi-puisi ini berasal daripada Arab/Parsi kerana dalamnya terdapat syair, nazam, qit'ah, ghazal dan berzanji daripada bahasa Arab. Manakala rubai dan masnawi berasal daripada bahasa Parsi. Di samping itu, terdapat beberapa jenis puisi yang namanya diberikan berdasarkan fungsinya, seperti teka-teki, endoi, rejang, dan zikir/dikir. Setiap jenis Puisi Melayu yang dinyatakan di atas mempunyai ciri-ciri tersendiri dan berbeza antara satu sama



## 1.7 Jenis-Jenis Puisi Melayu Tradisional

### 1.7.1 Pantun

Mengikut Brandseter dan R.O. Winstedt (1969), iaitu antara dua orang pengkaji yang banyak mengkaji secara komparatif antara bahasa-bahasa Polynesia-Austronesia, kata akar 'pantun' berasal daripada pelbagai kata akar daripada pelbagai bahasa. Dalam perkataan 'Pantun Sunda' itu akarnya ialah 'tun' yang terdapat juga dalam bahasa Pampanga 'tuntun' yang bermakna teratur.





Dalam bahasa Tagalog '*tonton*', mengucapkan sesuatu dengan susunan yang teratur, dalam bahasa Jawa Kuno pula, *tuntun* bermakna benang, *atuntun* bererti teratur dan *matuntun* bermakna memimpin. Terdapat beberapa pengertian mengenai pantun, menurut Za'ba (1964: 34), Pantun itulah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asal kepunyaan Melayu betul. Semenjak orang Melayu belum tahu surat-menyurat dahulu pun mereka telah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas sesama sendiri.

Dunia pantun itu terbina dengan unsur-unsur tertentu. Kemudian unsur-unsur ini diperkuatkan secara teratur, diperkukuhkan secara tersusun dan disempurnakan secara bersistematik. Justeru itu dunia pantun muncul sebagai satu dunia yang utuh, kompak dan konkrit. Dalam hubungan sedemikian, istilah atau perkataan pantun yang



kita gunakan sebagai istilah atau perkataan kepada suatu bentuk sastra adalah ternyata muncul daripada aspek-aspek teknikalnya yang sedemikian rupa untuk melontarkan perasaan dan pemikiran dalam iklim dan suasana pengucapan serta kebahasaan yang tertentu pula.

Berdasarkan aspek isi (tema dan persoalan), pantun biasanya menyentuh hampir seluruh kehidupan masyarakat Melayu. Melalui penelitian terhadap isi (tema dan persoalan) juga telah membawa kepada pengelompokan pantun yang lebih sistematik (Harun Mat Piah, 1989:63), seperti pantun kanak-kanak, pantun cinta, pantun puji-pujian/sambutan, pantun nasihat dan pendidikan, pantun agama dan kepercayaan, pantun adat, pantun peribahasa, pantun naratif/cerita dan sebagainya.





Pengkelasan tersebut dapat dipecahkan kepada kelompok-kelompok tema yang kecil. Misalnya tema nasihat dan pendidikan dapat dipecahkan kepada tema budi, dan kias-ibarat. Pantun tentang nasib dan jenaka pula boleh dimasukkan ke dalam golongan pantun telatah dan cara hidup masyarakat. Contoh pantun ialah seperti di bawah:

*Orang membajak dengan kerbau,  
Kerana hendak menanam padi,  
Di dalam tidur hatiku risau,  
Kerana kasih aku di sini.*

*Anak beruk di kayu rending,*

*Turun mandi di dalam paya,*

*Hodoh buruk di mata orang,*

*Cantik manis di mata saya.*

*Pulau pandan jauh ke tengah,*

*Gunung Daik bercabang tiga,*

*Hancur badan dikandung badan,*

*Budi baik dikenang juga.*

### 1.7.2 Syair

Syair dikatakan berasal daripada Arab, walau bagaimanapun bentuk syair Melayu berlainan sekali daripada bentuk syair dalam kesusasteraan Arab (Mohd.Yusof Md.





Nor, 1985:iii). Manakala dalam buku *Teromba* karya Mohd Rosli Saludin (1991:109), Muhd Mansur Abdullah menegaskan bahawa, walaupun syair bukanlah hak mutlak atau kepunyaan bangsa Melayu, namun ia sudah berakar umbi di alam Melayu sejak sekian lama, maka ia telah dianggap dan diterima orang Melayu sebagai puisi tradisi mereka. Kalau syair dianggap sebagai warisan kita, kitalah yang berkewajipan melestarikannya.

Mengikut pengertian puisi pula, syair adalah qasidah atau syair. Za'ba (1964: 37) berpendapat, "Syair berasal daripada bahasa Arab *syir* yang membawa maksud perasaan dan pengenalan dengan pancaindera kerana karangan syair selalu membangkitkan perasaan dan pengalaman yang hanya terasa menerusi gambaran yang indah".



Menurut Aripin Said (1994:24), syair menyerupai pantun empat kerat. Mesti pun syair mempunyai persamaan dengan pantun, namun terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua jenis puisi lama tersebut. Pantun mempunyai pembayang maksud, bagaimanapun syair tidak mempunyai pembayang maksud dan keempat-empat bait syair itu semuanya ialah maksud.

Perihal asal usul syair memang sudah sekian banyak diperkatakan oleh pengkaji dan sarjana dan kebanyakannya sependapat yang Hamzah Fansuri ialah pencipta syair Melayu yang terkenal. Walaupun syair dikatakan berasal daripada Arab bagaimanapun syair mempunyai ciri-ciri khusus yang membezakannya daripada bentuk puisi yang lain. Terdapat beberapa jenis syair dalam Kesusasteraan Melayu. Contohnya syair nasihat oleh Raja Ali al-Haji bin Raja Ahmad Al-Haj dalam *Penghujung kitab Thamarat al-Mahammah*.

